

Malaysia akan terus bantu padam kebakaran di Indonesia
Malaysian Insider
Oct 27, 2015

Kerajaan Malaysia akan terus membantu Indonesia untuk memadam api kebakaran di negara itu bagi membantu mengatasi masalah jerebu yang melanda rantau ini, termasuk Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, kerajaan kini menunggu kelulusan Wisma Putra dan tentera untuk penghantaran kapal terbang penyembur air bagi kerja memadam kebakaran berkenaan.

Penghantaran kali ini akan melibatkan 2 kapal terbang penyembur air ke sana, kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Maqasid Syariah Peringkat Kebangsaan di Dewan Warisan di Kangar hari ini.

Menurut Shahidan, tempoh penghantaran kapal terbang penyembur air ke Indonesia akan mengambil kira perkembangan semasa apabila berlaku perubahan cuaca yang membawa hujan lebat.

Mengenai kedatangan musim hujan, beliau berkata persiapan sudah dilakukan untuk menggerakkan bantuan kepada mangsa banjir terutama di negeri pantai timur dan sebahagian Sarawak.

Menurut beliau, sekrateriat bantuan berkenaan dipindahkan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) kepada Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) namun MKN akan terus membantu negeri yang lebih terdedah dengan malapetaka banjir.

Shahidan berkata kerajaan juga akan memberi penekanan menyedarkan mangsa banjir jangan lupa tanggungjawab mereka kepada agama walaupun ditimpa musibah. – Bernama, 27 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/malaysia-akan-terus-bantu-padam-kebakaran-di-indonesia>